



International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/frle>
ISSN: 2821-2800



Keberkesanan Teknik P.SiAM dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Bahasa Melayu Sekolah Rendah

The Effectiveness of P.SiAM Technique in Teaching Writing Skills in Primary School Malay Language

Richard Ignacy^{1,*}, N Siva Perumal Narayanan¹, Kumaran Muthusamy²

¹ Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, 59990 Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia

² Pusat Bahasa Tamil, Kementerian Pendidikan Singapura, Singapura

ARTICLE INFO

Article history:

Received

Received in revised form

Accepted

Available online 8 December 2025

ABSTRACT

Kajian ini meneliti keberkesanan teknik P.SiAM sebagai pendekatan berstruktur untuk pengajaran kemahiran menulis bahasa Melayu di sekolah rendah melalui analisis deskriptif terhadap data maklum balas guru di Daerah (PPD) Manjung. Sebanyak 46 sampel kajian yang terdiri daripada guru bahasa Melayu dianalisis. Data dikumpulkan melalui soal selidik susulan bengkel P.SiAM dan dianalisis secara tematik dan interpretatif. Dapatan menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi terhadap teknik P.SiAM dari segi kefahaman, kemudahan aplikasi, pemupukan idea serta penambahbaikan kualiti ayat dan karangan. Guru melaporkan peningkatan potensi pengajaran terbeza, kesesuaian untuk murid lemah dan bukan penutur jati, serta keperluan penyediaan modul bercetak dan sokongan digital bagi memperkukuh pelaksanaan. Perbincangan menghubungkan dapatan dengan kerangka teori sosiokognitif penulisan, pengajaran eksplisit strategi, dan penanda wacana untuk tujuan kohesi. Kajian mencadangkan peluasan intervensi, panduan penulisan berformat, integrasi permainan digital, dan pembangunan modul berjenjang. Kajian ini menyumbang bukti awal berasaskan konteks terhadap kebolegunaan teknik P.SiAM, selain mencadangkan penyelidikan lanjutan eksperimental dan campuran untuk menilai impak terhadap prestasi menulis murid.

This study examines the effectiveness of the P.SiAM technique as a structured approach for teaching Malay language writing skills in primary schools through descriptive analysis of teacher feedback data in the Manjung District (PPD). A total of 46 study samples consisting of Malay language teachers were analyzed. Data were collected through a questionnaire following the P.SiAM workshop and analyzed thematically and interpretatively. Findings showed a high level of acceptance of the P.SiAM technique in terms of understanding, ease of application, idea generation, and improvement in the quality of sentences and essays. Teachers reported increased potential for differentiated teaching, suitability for weak and non-native speakers, and the need to provide printed modules and digital support to strengthen implementation. The discussion links the findings to the sociocognitive theoretical framework of writing, explicit teaching of strategies, and discourse markers for cohesion purposes. The study

Keywords:

Kemahiran Menulis Bahasa Melayu,
Teknik P.SiAM, Kohesi

Malay Writing Skills, P.SiAM Techniques,
Cohesion

* Corresponding author.

E-mail address: richard@ipgkbm.edu.my

<https://doi.org/10.37934/frle.41.1.6472>

suggests expansion of interventions, formatted writing guides, integration of digital games, and development of tiered modules. This study contributes initial context-based evidence on the applicability of the P.SiAM technique, in addition to suggesting further experimental and mixed-method research to assess the impact on students' writing performance.

1. Pengenalan

Kemahiran menulis merupakan teras literasi akademik yang menuntut penguasaan kosa kata, struktur ayat, wacana, dan kesedaran genre. Dalam konteks sekolah rendah, pengajaran menulis memerlukan sokongan berstruktur agar murid mampu membina ayat yang gramatis, mengembangkan isi, dan menghasilkan perenggan serta karangan yang kohesif. Teknik P.SiAM—sebuah pendekatan terbingkai yang menekankan pembinaan ayat, penggunaan penanda wacana, dan penyusunan perenggan—diperkenalkan dalam sebuah bengkel di PPD Manjung kepada guru-guru Bahasa Melayu dan bukan opsyen, dengan fokus memperkasa amalan PdP menulis. Meskipun pelbagai teknik telah disarankan dalam literatur seperti pengajaran strategi secara eksplisit, perancangan (*scaffolding*), dan penggunaan kerangka ayat (*sentence frames*), kajian berasaskan konteks setempat amat diperlukan bagi menilai kebolehlaksanaan dan penerimaan guru seperti yang boleh dilihat dalam kajian Graham & Perin, [1]; Harris *et al.*, [2]; Hyland, [3]; KPM, [4]. Justeru, kajian ini menganalisis maklum balas guru terhadap Teknik P.SiAM, menilai persepsi kegunaan, cabaran, dan cadangan penambahbaikan, serta membincangkan implikasi pedagogi berasaskan kerangka teori semasa seperti yang dapat dilihat dalam kajian Nation, [5]; Swales & Feak, [6]. Data kajian diperoleh melalui soal selidik guru yang menghimpunkan 46 sampel guru, ditriangulasikan secara konseptual dengan literatur berkaitan pengajaran menulis dan perkembangan kurikulum Bahasa Melayu.

1.1 Latar Belakang

Pengajaran menulis di sekolah rendah Malaysia beroperasi dalam rangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang menuntut pembinaan kemahiran bahasa secara progresif dengan penekanan kepada penguasaan kosa kata, tatabahasa, dan pembinaan wacana seperti yang ditegaskan dalam KPM; [4]. Cabaran lazim termasuk heterogeniti tahap keupayaan murid, khususnya dalam kelas yang melibatkan murid bukan penutur jati Bahasa Melayu, murid tahap penguasaan rendah, serta murid pemulihan literasi juga dikaitkan dalam Nation; [5]. Teknik berbingkai yang menyediakan struktur ayat dan perenggan, di samping senarai penanda wacana, berpotensi meningkatkan kejelasan, kohesi, dan keyakinan murid untuk menulis seperti yang dikemukakan dalam Hyland, [3]; Schleppegrell, [7]. Pada masa yang sama, pengajaran strategi menulis secara eksplisit seperti perancangan, draf, semakan dan penyuntingan telah terbukti memberikan kesan kepada kualiti penulisan. Teknik P.SiAM menumpukan latihan praktikal, contoh lembaran kerja, dan penekanan kepada penanda wacana serta pembinaan ayat tunggal dan pengembangan karangan, sejajar dengan cadangan literatur untuk menggabungkan model pengajaran langsung, latihan berstruktur, dan pembezaan seperti yang dinyatakan dalam Tomlinson, [8]. Senario ini memberikan rasional dan kelompangan yang nyata untuk menilai penerimaan guru terhadap teknik P.SiAM sebagai intervensi yang realistik dan berkesan.

1.2 Sorotan Literatur

Meta analisis global menunjukkan bahawa pengajaran strategi menulis secara eksplisit termasuk strategi perancangan, penjanaan idea, dan penyusunan teks memberikan kesan besar terhadap

prestasi menulis pelajar seperti dalam kajian Graham & Perin, [1]; Harris et al., [2]. Dalam konteks Malaysia, modul pengajaran berdasarkan komponen kendalian sendiri (self-regulation) telah diuji secara kuasi-eksperimen ke atas pelajar sekolah menengah dan mendapati peningkatan dalam penulisan naratif murid selepas intervensi SRSD (*Self-Regulated Strategy Development*) yang diintegrasikan ke dalam modul ESL seperti yang dijelaskan dalam kajian Norul Hidayah Mamat & Nik Ahmad Hisham, [9]. Pendekatan SRSD yang menekankan pemodelan guru, latihan berpandu, dan refleksi sendiri adalah sejajar dengan model seperti P.SiAM yang membingkai langkah penulisan; malah, kajian reka bentuk dan penilaian modul SRSD dalam konteks sekolah Malaysia mendapati bahawa elemen pengaturan sendiri (*self-regulation*) memainkan peranan penting dalam memupuk pelajar sebagai penulis mahir seperti yang ditekankan dalam kajian Nuraisyah Muhammad & Faridah Mydin Kutty, [10].

Di samping itu, Kajian Hyland, [3]; Swales & Feak, [7] pula mendapati bahawa kerangka genre dan wacana dalam pengajaran menulis membantu pelajar memahami konvensi struktur karangan yang merangkumi bahagian pendahuluan, isi, dan penutup serta penggunaan penanda wacana untuk menghubungkan idea. Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua, kajian antarabangsa menunjukkan bahawa pengajaran penanda wacana meningkatkan kohesi dan kejelasan teks sebagaimana yang dijelaskan dalam kajian Swan, [11]; Schleppegrell, [12]. Di Malaysia, kajian mengenai strategi penulisan bahasa Melayu mendapati pelajar sering menggunakan strategi penyoalan, penjelasan, perumusan dan peramalan dalam menghasilkan teks mereka seperti yang dibuktikan dalam kajian Evelyn Bangkang Jawi & Wan Muna Ruzanna, [13].

Dalam kajian Nurfaizail Jamian [14] kokus terhadap penguasaan kosa kata dan struktur tatabahasa juga penting memandangkan penguasaan kosa kata tahap tinggi dan struktur tatabahasa mantap dikaitkan dengan penulisan yang lebih berkualiti. Oleh itu, pengajaran eksplisit mengenai kata hubung, kata adjektif, dan struktur ayat dapat menyokong pembangunan wacana. Dalam konteks pendidikan Malaysia, kajian mendapati guru masih berdepan cabaran dalam menyampaikan aspek bahasa halus kepada murid, khususnya murid lemah, dan mencadangkan pengukuhan melalui bahan sokongan digital serta latihan spesifik seperti dalam kajian Marzni Mohamed Mokhtar *et al.*, [15].

Hidayah Tokiman, Nor Maizatul Akmal Mohd Zubir, [16] pula berpendapat, untuk menampung kepelbagaian tahap penguasaan murid, strategi pembezaan dalam kandungan, proses, dan produk sangat relevan. Kajian terkini mendapati bahawa pembezaan pengajaran dalam kelas bahasa Melayu menyumbang kepada peningkatan keterlibatan pelajar dan membantu murid berkeperluan tinggi untuk mencapai tahap minimum penguasaan seperti yang ditegaskan dalam kajian Mohamad Farid Md. Daris *et al.*, [17]. Penggunaan kerangka ayat dan senarai penanda wacana berperingkat telah dicadangkan sebagai alat *scaffolding* untuk memudahkan akses murid yang masih belum mantap dengan struktur wacana sebagaimana yang dapat dilihat dalam kajian Marzni Mohamed Mokhtar *et al.*, [15].

Kajian Annie Margeret, [18] pula mendapati bahawa integrasi teknologi dan elemen gamifikasi dalam pengajaran menulis dapat meningkatkan keterlibatan pelajar, menyediakan latihan berulang, dan memberi maklum balas segera. Secara keseluruhannya, hujah bahawa teknik P.SiAM yang menstrukturkan pembinaan ayat, penggunaan penanda wacana, dan penyusunan perenggan mempunyai landasan teori yang kukuh turut disokong oleh kajian terkini dalam konteks Malaysia dan antarabangsa.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif kualitatif dan kuantitatif (*mix mod*) yang berasaskan analisis dokumen terhadap data maklum balas guru N=46. Data merangkumi:


- Profil guru: opsyen (Bahasa Melayu atau bukan opsyen), dan pengalaman mengajar.
- Penilaian bengkel: pengetahuan penceramah, penyampaian, interaksi, pengurusan masa, dan keberkesanan pengendalian, diukur pada skala Likert lima mata.
- Penilaian bahan: persepsi kegunaan bahan untuk PdP
- Komen terbuka: kekuatan teknik, kebolehlaksanaan, cadangan penambahbaikan, dan keperluan sokongan.

Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan yang merekrut 46 orang guru Bahasa Melayu di bawah PPD Manjung yang memenuhi kriteria inklusi (mengajar BM semasa kajian dijalankan). Kaedah ini dipilih untuk memastikan peserta mempunyai kepakaran dan pengalaman yang relevan, serta mengambil kira kekangan akses kepada rangka sampel lengkap bagi pemilihan rawak, Cresswell *et al.*, [19]. Kajian dijalankan di sekolah rendah SJK(C) Tit Bin sebagai pusat lokasi yang terpilih di daerah Manjung, Perak, iaitu lokasi asal pengumpulan maklum balas guru yang menghimpunkan guru-guru opsyen bahasa Melayu (37%) dan bukan opsyen bahasa Melayu (63%) yang mengajar subjek bahasa Melayu di sekolah rendah kebangsaan (SK), sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Pemilihan lokasi ini seiring dengan sesuai kerana guru-guru di daerah ini dapat berkumpul di satu tempat yang berpusat agar dapat diberikan pendedahan terhadap teknik P.SiAM dan bersedia untuk menyokong pelaksanaan kajian. Prosedur pelaksanaan kajian dilaksanakan dalam konteks situasi sebenar bilik darjah. Seramai 46 orang terlibat secara aktif dalam setiap proses pelaksanaan kajian untuk mendapatkan pendedahan terhadap penggunaan teknik P.SiAM dengan betul. Prosedur ini selaras dengan pendekatan SRSD (*Self-Regulated Strategy Development*) yang menekankan pemodelan, latihan berpandu, dan refleksi sendiri, Ting Sun *et al.*, [20].

Berdasarkan Rajah 1, guru digalakkan melakukan praujian untuk membina ayat mudah berdasarkan gambar rangsangan. Tujuan praujian adalah untuk mengenal pasti tahap awal keupayaan murid dalam menentukan subjek, predikat, serta penggunaan penanda wacana. Hal ini membolehkan guru mengesan permasalahan murid dalam proses pembinaan ayat sebelum memperkenalkan teknik P.SiAM. Kemudian, guru diperkenalkan dengan komponen teknik:

- **P (Penanda Wacana):** Menyediakan pilihan kata hubung, penegasan, dan pertautan.
- **Si (Siapa):** Subjek atau pelaku.
- **A (Apa):** Perbuatan atau predikat (kata kerja)
- **M (Mengapa/Mana):** Menyatakan sebab atau tempat.

Guru menjelaskan setiap elemen dengan contoh yang disesuaikan tahap murid. Seterusnya, murid membina ayat berpanduan jadual LK P.SiAM yang disediakan. Berikut pula merupakan jadual LK (Lembaran Kerja) P.SiAM mengikut acuan yang disediakan. Guru boleh melatih murid menghasilkan ayat berdasarkan susunan proses pembinaan ayat yang telah dicadangkan.



Rajah 1. Prosedur Pelaksanaan Kajian Teknik P.SiAM

BENGKEL PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU PPD MANJUNG
TEKNIK MEMBINA AYAT TUNGGAH

LEMBARAN KERJA TEKNIK P.SiAM

Bil	P= Penanda Wacana	Si= Siapa	A= Apa	M= Mana/ Mengapa	Tambahan
01					
02					
03					
04					
05					
06					
07					

AHLI KUMPULAN:

1.

2.

3.

Tentukan.

1. Tajuk:

2. Subjek:

3. Kata Kerja:

Rajah 2. Jadual Lembaran Kerja (LK) Teknik P.SiAM

Pilihan penanda wacana bervariasi diberikan agar murid dapat menyesuaikan penggunaannya mengikut konteks ayat. Hasil jawapan guru dibincangkan bersama-sama. Guru di bilik darjah harus menegaskan aspek kesantunan bahasa, ketepatan tatabahasa, dan kesesuaian penanda wacana. Selanjutnya, guru diberikan tajuk baharu untuk membina ayat menggunakan teknik P.SiAM.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan menunjukkan hampir majoriti responden memberikan reaksi positif terhadap teknik P.SIAM apabila kata kunci yang sering muncul ialah “mudah difahami”, “mudah diaplikasi”, “sesuai untuk murid lemah”, dan “berguna untuk guru baharu”. Penerimaan tinggi ini boleh ditafsirkan sebagai petanda bahawa teknik menyediakan kejelasan pedagogi yang diperlukan oleh guru untuk mengajar penulisan secara sistematik. Dalam kerangka teori konstruktivisme, struktur P.SIAM bertindak sebagai *scaffold*: ia mengurangkan kebuntuan murid dalam memulakan penulisan dan memberikan panduan konkrit langkah demi langkah. Kesan positif ini sejajar dengan impak positif dan keyakinan guru meningkatkan pengamalan baru dalam PdPc menggunakan teknik P.SiAM sebagai alternatif dalam membina ayat secara teratur dan betul hukum tatabahasanya.

Pandangan responden telah diambil menerusi skala likert 5 poin, iaitu Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Pasti (TP), Tidak Setuju (TS), dan Sangat Tidak Setuju (STS). Pengkaji membincangkan dapatan nilai min bagi setiap pernyataan tersebut dengan mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min ke dalam tiga tahap seperti yang dapat diperhatikan dalam Jadual 1 untuk mengetahui tahap nilai min bagi setiap kenyataan yang diberikan dalam borang soal selidik tersebut.

Jadual 1

Interpretasi Skor Purata (Skala Likert 5)

Skor Purata	Interpretasi
1.00 – 2.33	Lemah
2.33 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Berikut pula data deskriptif mengikut tiga konstruk utama yakni, (i) Konsep Teknik P.SiAM; (ii) Modul P.SiAM; (iii) Lembaran Kerja (LK) P.SiAM dihasilkan sebagai acuan dan panduan membina ayat tunggal mengikut struktur ayat yang betul dari aspek tatabahasa. Kesemua dapatan ini dapat dipaparkan mengikut Jadual 2, 3 dan 4.

Berdasarkan Jadual 2, skor item paling tinggi merupakan Item 3 dan 4 (min 4.83, SP 0.44) manakala skor item paling rendah ialah Item 2 (min 4.67, SP 0.56). Peserta yakin teknik ini memudahkan penghasilan ayat secara konsisten dan menyokong penyeragaman kaedah untuk karangan lengkap. Persepsi kebolegunaan adalah kukuh. Hal ini selari dengan dapatan literatur bahawa intervensi literasi berstruktur dengan pemodelan strategi meningkatkan kemahiran menulis dan organisasi idea, khususnya bagi murid dengan asas lemah seperti yang ditegaskan dalam kajian Norsafinar Rahim & Nur Dania Mazlan, [21]. Berikut pula data deskriptif dalam Jadual 3 berhubung Modul Teknik P.SiAM sebagai panduan dan rujukan kepada guru dan murid. Modul yang dibangunkan mengandungi teknik P.SiAM yang baharu diperkenalkan, langkah menulis ayat dan praktis pengukuhan.

Jadual 2

Konsep Teknik P.SiAM

Konstruk Utama	Teknik P.Siam	SS	S	TP	TS	STS	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Item 1	Teknik P.SiAM boleh dijadikan panduan dalam penulisan ayat dalam karangan murid	40	3	3	0	0	4.80	0.54	Tinggi
Item 2	Teknik P.SiAM merupakan idea atau inovasi baharu dalam penulisan ayat dalam karangan	33	11	2	0	0	4.67	0.56	Tinggi
Item 3	Teknik P.SiAM memudahkan murid dalam menghasilkan ayat dalam karangan melalui latihan yang konsisten	39	6	1	0	0	4.83	0.44	Tinggi
Item 4	Teknik P.SiAM dapat membantu murid menulis ayat dalam karangan menggunakan satu kaedah yang sama untuk menghasilkan satu karangan yang lengkap	39	6	1	0	0	4.83	0.44	Tinggi
Item 5	Teknik P.SiAM mencapai objektif pembelajaran mengikut kemahiran menulis dalam DSKP	34	11	1	0	0	4.72	0.50	Tinggi

Jadual 3

Modul Teknik P.SiAM

Konstruk Utama	Modul Teknik P.Siam	SS	S	TP	TS	STS	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Item 1	Modul ini dihasilkan seiring dengan keperluan murid yang mempunyai masalah asas dalam penulisan ayat.	37	9	0	0	0	4.80	0.40	Tinggi
Item 2	Modul ini mudah digunakan oleh murid	38	8	0	0	0	4.83	0.38	Tinggi
Item 3	Modul ini dapat membantu meningkatkan keyakinan murid menulis ayat mengikut panduan	38	8	0	0	0	4.83	0.38	Tinggi
Item 4	Modul ini dapat memudahkan murid mengenal pasti pilihan subjek dalam ayat, penanda wacana, kata kerja dan kata keterangan	38	8	0	0	0	4.83	0.38	Tinggi
Item 5	Modul ini dihasilkan seiring dengan keperluan murid yang mempunyai masalah asas dalam penulisan ayat.	36	10	0	0	0	4.78	0.42	Tinggi

Semua item modul berada pada tahap min 4.78–4.83 dengan SP 0.38–0.42, menandakan kebolegunaan (*usability*) dan kebolehcapaian (*accessibility*) yang tinggi bagi murid berkeperluan sokongan asas. Penilaian “mudah digunakan,” “meningkatkan keyakinan,” dan “membantu mengenal pasti subjek, penanda wacana, kata kerja/keterangan” memperlihatkan reka bentuk modul yang memacu pengetahuan tatabahasa fungsian dengan latihan berstruktur. Keyakinan murid seiring dengan literatur mengenai *self-efficacy* dalam menulis membuktikan bahawa modul yang dibangunkan jelas, berurutan, dan memberi maklum balas boleh menaikkan impak sendiri, yang seterusnya meningkatkan positifiti dengan prestasi menulis.

Jadual 4 pula merupakan Lembaran Kerja (LK) P.SiAM dihasilkan sebagai acuan dan panduan membina ayat tunggal mengikut struktur ayat yang betul dari aspek tatabahasa.

Jadual 4

Lembaran Kerja LK Teknik P.SIAM

Konstruk Utama	Lembaran Kerja (LK) Teknik P.Siam	SS	S	TP	TS	STS	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Item 1	LK Teknik P.SIAM dapat menjadi bimbingan kepada murid untuk menulis karangan dengan menggunakan ayat yang gramatis	40	6	0	0	0	4.87	0.34	Tinggi
Item 2	LK Teknik P.SIAM dapat membantu murid menghasilkan ayat yang kecoh dan kohesi.	34	12	0	0	0	4.74	0.44	Tinggi
Item 3	LK Teknik P.SIAM dapat dimanipulasikan mengikut kreativiti guru dan murid	37	9	0	0	0	4.80	0.40	Tinggi
Item 4	LK Teknik P.SIAM memberikan pendedahan kepada murid tentang penggunaan subjek dalam ayat dan penanda wacana yang sesuai dalam karangan.	38	7	1	0	0	4.80	0.45	Tinggi
Item 5	LK Teknik P.SIAM dapat menggalakkan murid supaya menulis secara terancang.	36	10	0	0	0	4.78	0.42	Tinggi

LK P.SIAM menerima min tertinggi sehingga 4.87 (SP serendah 0.34), terutama bagi item bimbingan ayat gramatis, memupuk kohesi dan koheren, serta fleksibiliti manipulasi oleh guru dan murid. Penekanan terhadap kohesi dan koheren serta aspek penanda wacana menandakan LK P.SIAM dirangka untuk berpindah dari aras ayat ke aras wacana, yang penting untuk kualiti karangan secara keseluruhan. Data juga membuktikan LK P.SIAM membantu dalam penulisan terancang, selaras dengan model proses menulis yang menuntut perancangan, draf, semakan, dan penyuntingan seperti yang dicadangkan dalam kajian Marzni Mokhtar *et al.*, [15]. Dapatan kajian menunjukkan penerimaan dan penilaian kebermanfaatannya yang sangat tinggi terhadap Teknik P.SIAM, modul, dan lembaran kerja sebagai ekosistem pengajaran menulis ayat tunggal. Kejatuhan skor dan rendahnya sisihan piawai mencadangkan kebolegunaan yang konsisten di bilik darjah dan sebagai bahan sokongan pedagogi mengikut kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah.

4. Kesimpulan

Analisis maklum balas soal selidik guru PPD Manjung menunjukkan teknik P.SIAM diterima baik sebagai pendekatan berstruktur untuk mengajar kemahiran menulis bahasa Melayu di sekolah rendah. Guru menilai tinggi aspek kemudahan aplikasi, bantuan kepada murid lemah, dan pemupukan kohesi melalui penanda wacana. Kajian ini juga mengemukakan cadangan termasuk penyediaan modul berfokus secara bercetak, latihan berjenjang, senarai penanda wacana mengikut fungsi, serta peluasan kepada karangan berformat. Perbincangan mengesahkan kesepadanan P.SIAM dengan teori pengajaran strategi (SRSD), pedagogi berasaskan genre, dan prinsip pembezaan. Penyelidikan lanjutan disarankan menggunakan reka bentuk eksperimen terkawal dan kajian campuran bagi menilai impak terhadap kualiti karangan, ketepatan tatabahasa, kohesi, dan motivasi murid, di samping kajian kebolehlaksanaan digital. Sebagai pengukuhan, kajian lanjutan berasaskan reka bentuk eksperimen serta ukuran prestasi murid disarankan. Secara praktikal, teknik P.SIAM mempunyai asas kukuh untuk dilaksanakan secara lebih meluas dengan sokongan latihan guru dan pemantauan kualiti.

Acknowledgement

This research was not funded by any grant

Rujukan

- [1] Graham, S., & Perin, D. (2007). *Writing next: Effective strategies to improve writing of adolescents in middle and high schools*. Alliance for Excellent Education.
- [2] Harris, K. R., Graham, S., Mason, L. H., & Friedlander, B. (2008). *Powerful writing strategies for all students*. Brookes Publishing.
- [3] Hyland, K. (2007). Genre pedagogy: Language, literacy and L2 writing instruction. *Journal of Second Language Writing*, 16(3), 148–164. <https://doi.org/10.1016/j.jslw.2007.07.005>
- [4] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- [5] Nation, I. S. P. (2001). *Learning vocabulary in another language*. Cambridge University Press.
- [6] Swales, J. M., & Feak, C. B. (2012). *Academic writing for graduate students: Essential tasks and skills* (3rd ed.). University of Michigan Press.
- [7] Schleppegrell, M. J. (2004). *The language of schooling: A functional linguistics perspective*. Routledge.
- [8] Tomlinson, C. A. (2014). *The differentiated classroom: Responding to the needs of all learners* (2nd ed.). ASCD.
- [9] Mamat, N. H., & Ismail, N. A. H. Integration of emotional intelligence in teaching practice among university teachers in higher education. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(2) (2021): 69-102.. <https://doi.org/10.32890/mjli2021.18.2.3>
- [10] Muhammad, N., & Kutty, F. M. Hubungan antara pembelajaran regulasi sendiri dan motivasi terhadap pencapaian akademik. *Malaysian journal of social sciences and humanities (MJSSH)*, 6(9) (2021): 215-229. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1006>
- [11] Swan, M. (2005). *Practical English usage* (3rd ed.). Oxford University Press.
- [12] Schleppegrell, M.J. (2004). *The Language of Schooling: A Functional Linguistics Perspective* (1st ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781410610317>
- [13] Jawi, E. B., No, S. K., & Mohammad, W. M. R. W. Keberkesanan Penggunaan Kaedah Pembelajaran Think-Pair-Share dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *SKEPEN 2021*, 157.
- [14] Jamain, N. (2023). *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaya* (Doctoral dissertation, University of Malaya (Malaysia)).
- [15] Mohamed Mokhtar, M., Mohd Radzuan, N. M. M., & Jamil, M.. Keberkesanan Pengaplikasian Model Penanda Wacana, Kata Bantu Dan Keterangan (PWKBKK) Bahasa Melayu terhadap penguasaan kemahiran menulis ayat dan perenggan dalam kalangan muridtahun empat di Selangor. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(1) (2025): 43-64. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.3.2025>
- [16] Tokiman, H., & Zubir, N. M. A. M.. Kaedah Pengajaran Berkesan: Antara Keperluan Pelajar dengan Kepelbagaian Strategi Pengajaran Pendidikan. *Jurnal ILMI*, 14(1) (2024):96-109.
- [17] Daris, M. F. M., Mahamod, Z., & Sedek, M. F. M. Tinjauan Literatur Bersistematik: Pengaplikasian Elemen Kbat Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Bagi Membentuk Kemenjadian Murid Tahap 2 Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 15(1), (2025): 60-76.
- [18] Annie Margaret, Maraya, R., & S. Kandasamy, S.. Keberkesanan kaedah gamifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran matapelajaran bahasa Tamil di sekolah rendah [The effectiveness of gamification methods in teaching and learning Tamil language subjects in primary school]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(3), 64-76 (2024): <https://doi.org/10.33306/mjssh/286>
- [19] Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (5th ed.).
- [20] Sun, T., Wang, C. & Wang, Y. The effectiveness of self-regulated strategy development on improving English writing: Evidence from the last decade. *Read Write*, 2497–2522 (2022). <https://doi.org/10.1007/s11145-022-10297-z>
- [21] Rahim, Norsafinar, and Nur Dania Mazlan. "Pemikiran Reka Bentuk dalam Aplikasi Pendidikan: Inovasi bagi Meningkatkan Kognitif Murid Bermasalah Pembelajaran: Design Thinking in Educational Applications: Innovations to Enhance the Cognition of Students with Learning Difficulties." *Malaysian Journal of Information and Communication Technology (MyJICT)* (2025): 33-49.